

PNB pembeli terbesar saham tempatan

Permodalan Nasional Bhd (PNB) menjadi antara pembeli terbesar dalam pasaran ekuiti tempatan dengan meraih penilaian menarik dari kamiter yang mempunyai asas yang kukuh di tengah-tengah ketidaktentuan pasaran susulan impak negatif COVID-19.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed, berkata keadaan semasa memberi peluang kepada syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia itu untuk memanfaatkan prospek yang ditawarkan oleh ketidaktentuan pasaran bagi memastikan PNB dapat menghadapi cabaran masa kini.

Beliau yang berpengalaman luas dalam menguruskan pelaburan global berkata, pilihannya juga kekal fokus untuk meneroka peluang pasaran bagi menjaga pulangan berterusan bagi jangka masa panjang.

Katanya, PNB juga berhasrat untuk terus mengembangkan portfolio secara meluas dalam pelbagai kelas aset, tidak hanya dalam ekuiti awam, dengan berpandukan Rangka Kerja Perumitikan Aset Strategiknya.

"Sebagai contoh, strategi kami bagi mempercepat usaha kepelabagan ini termasuklah pelan kami bekerjasama dengan pengurus dana antarabangsa yang

terkenal dan mempunyai rekod prestasi cemerlang.

"Kami juga teliti menubuhkan Jabatan Perbendaharaan yang bertanggungjawab untuk memastikan risiko mata wang kami dapat diuruskan dengan lebih efektif bagi semua portfolio dan kelas aset.

"Namun, memandangkan suasana global semasa, kami terus berhati-hati dalam langkah kami melaksanakannya," katanya kepada *BM* memeterai e-mel bagi mengulas mengenai pelan pelaburan PNB dalam mengharungi persekitaran yang mencabar ketika ini.

Jalil berkata, PNB juga berpuas hati kerana berjaya melepasi tanda aras RM300 bilion bagi aset di bawah pengurusanannya (AUM) pada tahun kewangan 2019 untuk mencapai RM312.0 bilion.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan pelan strategik baharu 'Focus 4', PNB optimis akan mampu untuk terus berkembang ke peringkat lebih tinggi.

"Dengan melandanya pandemik COVID-19, begitu banyak ketidakpastian maka jalan terbaik adalah untuk memberi tumpuan kepada pelan jangka pendek dan sederhana.

"Perancangan kami bersifat fleksibel jadi kami boleh menambah atau menggugurkan mana-

mana pelan jika keadaan berubah," katanya.

Pada 2019, PNB juga mengagihkan sejumlah RM13.2 bilion dalam bentuk pengagihan pendapatan dan bonus kepada pemegang unitnya pada tahun kajian, mencapai jumlah keseluruhan agihan pendapatan sebanyak RM200 bilion bagi kesemua 14 dana sejak peubuhan.

Ekuiti awam antarabangsa menjaga pulangan tertinggi, me-

nyumbang kepada lebih 11.6 peratus kepada pendapatan kasar keseluruhan bagi 2019, walaupun dengan pendedahan yang sedikit iaitu 5.9 peratus.

Pendedahan global PNB juga turut mencatatkan peningkatan dari 1.8 peratus atau RM4.7 bilion pada 2016, kepada 8.5 peratus atau RM26.4 bilion pada 2019.

